

Memperkasakan Kaum Wanita Melalui pendidikan dan Kerelevanannya kepada Kemanusiaan: Satu Bacaan Feminisme Pasca Kolonial dalam *the Stillborn* dan *Mencari Azizah*

Shakti Nagesvari Paramasivan*

Highland International Boarding School.

ABSTRAK

*Kertas kerja ini memberi fokus kepada peranan pendidikan dalam pembentukan identiti dan jati diri watak wanita dalam novel *The Stillborn* oleh Zaynab Alkali dan *Mencari Azizah* oleh Khadijah Hassim. Kritikan terhadap hegemoni Barat yang dibawa oleh Chandra Talpade Mohanty dalam *Feminisme Pasca Kolonial* digunakan sebagai kaedah analisis untuk kedua buah novel ini. Pengarang wanita dari Nigeria dan Malaysia ini mempunyai kesedaran tentang kedudukan kaum wanita dalam sistem sosial setempat yang masih menyekat dan mengongkong hak dan kebebasan wanita dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, perkahwinan, pemilikan harta, hak atas diri sendiri dan kebebasan bersuara. Maka, kertas kerja ini bertujuan untuk menghubungkan dimensi antara perdebatan global yang berterusan tentang sistem patriarkal yang masih dipraktikkan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia dengan memberi fokus kepada hasil karya pengarang Malaysia dan Nigeria. Dalam kedua buah novel ini, Alkali dan Khadijah membawa wawasan bahawa pendidikan adalah senjata terbaik untuk membebaskan fizikal dan mental wanita dari terus didiskriminasi dan dipinggirkan dalam sistem patriarkal setempat. Alkali dan Khadijah telah mengiktiraf kekuatan, ketekunan, cabaran, keberanian dan keunikan watak wanita dalam menyampaikan realiti kehidupan wanita dalam sistem patriarki setempat.*

Kata Kunci: Feminis, Patriarkal, Diskriminasi, Kebebasan, Pendidikan.

PENGENALAN

Tema kepentingan pendidikan merupakan tema sarwajagat dalam semua bidang terutamanya dalam karya-karya kesusasteraan. Sistem pendidikan di seluruh dunia mengalami transformasi dari semasa ke semasa. Kedatangan penjajah Barat ke Negara-negara Dunia Ketiga telah mengubah dasar pendidikan tradisi kepada sistem pendidikan sekular. Peluang pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak kolonial telah membuka ruang kepada kaum wanita untuk sama-sama menuntut ilmu bersama kaum lelaki. Pendidikan juga telah memberi kuasa kepada kaum wanita untuk memikirkan tentang identiti dan kedudukan mereka dalam institusi keluarga, agama, ekonomi, politik dan sistem sosial. Implikasinya, kaum wanita mula keluarga dari zon domestik untuk menimba ilmu yang menandakan bermulanya reformasi dalam sistem sosial, ekonomi dan politik di Negara-negara Dunia Ketiga. Dalam menjelang kemaraan era Revolusi Industri 4.0, masih ada yang menidakkan hak pendidikan bagi kaum wanita dan kanak-kanak perempuan. Walaupun dunia tanpa sempadan telah menjadi bukti kepada perkembangan teknologi dalam pendidikan, namun kedudukan dan hak pendidikan yang dicapai seorang kanak-kanak perempuan di Malaysia tidak sama dengan peluang yang diperoleh oleh seorang kanak-kanak perempuan di Libya. Kemajuan teknologi yang dirasai oleh seorang wanita di Moscow mungkin tidak dikecapi oleh seorang wanita di Tanzania. Begitulah keadaan yang dilalui wanita dari seluruh pelosok dunia. Maka para Feminis Pasca Kolonial berpendapat, perlunya ada satu teori feminisme untuk mewakili kaum wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga untuk membolehkan suara mereka diperdengarkan ke seantero dunia. Pemahaman

* Emel: shakti.1011@gmail.com

terhadap kehidupan wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga harus difahami dari konteks setempat.

Kertas kerja ini mengkaji kehidupan golongan wanita di Nigeria dan Malaysia melalui dua sumber sastera, iaitu novel *The Still Born* dan *Mencari Azizah*. Khadijah Hashim dan Zaynab Alkali merupakan dua pengarang wanita yang hebat, berkaliber dan memberi sumbangan dalam perkembangan kesusasteraan di Malaysia dan Nigeria. Kedua-dua pengarang ini dengan telus dan tegas membawa tema kepentingan pendidikan kepada kaum wanita bagi membebaskan pemikiran wanita yang masih dijajah, didominasi dan dikongkong dalam sistem patriarkal yang memperlakukan wanita sebagai lelaki yang *inferior* (Selden, 1989:140). Novel *Mencari Azizah* dan *The Stillborn* memberi gambaran pencerahan yang lebih positif dan optimis tentang imej kedudukan, peranan, hak dan keistimewaan seseorang wanita dalam sfera domestik dan sfera publik. Mereka berusaha untuk membina semula imej wanita yang dibentuk dalam konteks setempat dengan memaparkan realiti sebenar wanita di Nigeria dan Malaysia dalam satu lokasi, etnik, agama, bangsa dan bahasa yang spesifik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Definisi tentang sesebuah budaya dan bangsa adalah kompleks, abstrak dan sukar untuk difahami secara global. Menurut Chris Weedon (1987:14), hukum-hukum rasional budaya Barat tidak semestinya menepati hukum-hukum budaya lain. Revolusi kebebasan dan hak wanita di Barat melihat lelaki sebagai musuh dan menentang sistem patriarkal yang dikatakan mendominasi wanita. Kesesuaian teori feminisme Barat seperti Feminisme Liberal, Sosialis dan Radikal di Asia dan Afrika dipertikaikan oleh para Feminis Pasca Kolonial seperti Chandra Talpade Mohanty, Gayatri Spivak, Chikwenye Ogunyemi, Buchi Emecheta dan Kamla Bhasin. Pemikiran pejuang wanita Barat selalunya tidak tepat tentang realiti sebenar kaum wanita di negara-negara bukan Eropah. Perbezaan pendapat tentang kedudukan golongan wanita di Negara-negara Dunia Ketiga antara para feminis Barat dan para feminis dari Negara-negara Dunia Ketiga telah membuka ruang perdebatan yang boleh dibahaskan. Dalam bidang kesusasteraan, pemahaman tentang sesuatu budaya adalah berlainan mengikut cara pengarang itu merakamkannya dalam karya mereka. Maka, permasalahan yang wujud di sini ialah bagaimanakah pengarang dari Asia, iaitu Khadijah Hashim dan pengarang dari Nigeria, iaitu Zaynab Alkali membentuk kekuatan dan keyakinan dalam watak-watak wanita yang dicipta untuk berjuang dalam satu sistem patriarkal yang disusun, dibina dan dikembangkan mengikut nilai-nilai lelaki sekali gus merobohkan andaian-andaian feminis Barat tentang kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga.

OBJEKTIF KAJIAN

- Membincangkan peranan pendidikan dalam membentuk identiti dan jati diri dalam watak wanita menerusi novel *The Stillborn* dan *Mencari Azizah*.
- Membahaskan tindak balas/protes watak wanita terhadap sistem patriarkal dalam novel pilihan menggunakan kritikan terhadap hegemoni Barat.

FEMINISME PASCA KOLONIAL

Tahun 1980-an memperlihatkan pembangunan pemikiran epistemologi, khususnya melalui hasil tulisan Nancy Hartsock, Dorothy Smith dan Sandra Harding. Hasil penulisan mereka melihat perhubungan di antara lokasi sosial, pengalaman kaum wanita dan perspektif *epistemic*. Dalam tahun 80-an ini juga muncul golongan feminis dari Negara-negara Dunia Ketiga yang mempunyai pemahaman tersendiri tentang hubungan antara feminisme dan nasionalisme serta

pemusatan terhadap perjuangan dekolonisasi dalam pemikiran feminisme. Pelbagai bentuk dan konteks teori dan kritikan feminisme berkembang di seluruh dunia mengikut inspirasi dan motivasi daripada pelbagai pihak, *there is no single feminist criticism, rather an ever-growing practice of plural, though frequently interrelating, feminist criticisms* (Eagleton, 1996:135). Chandra Talpade Mohanty, Gayatri Spivak, Kumari Jayawardena, Kamla Bhasin, Said Nighat Khan, Flora Nwapa, Nawal el Saadawi, Fatima Mernissi, Isolabel Letelier dan Achola Pala merupakan feminis dari Asia, Timur Tengah, Amerika Latin dan Afrika yang aktif bersuara dan mengkritik para feminis Barat yang gagal memahami kedudukan dan kehidupan kaum wanita di Negara-negara Pasca Kolonial.

Menurut Mohanty (Jenainati & Groves, 2010:167), peranan, kedudukan dan cara hidup kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga telah dinilai dan disalah tafsir oleh feminis Barat. Maka, para teoris dan kritikan Pasca Kolonial menyuarakan kepentingan membentuk satu teori mandiri yang mewakili kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga. Pengalaman hidup yang berbeza antara kaum wanita Barat dan wanita di Negara-negara Dunia Ketiga telah mewujudkan jurang perbezaan yang ketara dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan, sistem sosial, kedudukan wanita dalam keluarga dan juga agama. Maka, amat sukar untuk mengekalkan satu agenda feminisme bagi mewakili kaum wanita secara universal. Situasi kontemporari dalam bidang teori dan kritikan feminisme memperlihatkan pelbagai cabang feminisme berkembang dari masa ke semasa seperti *postmodern feminisme*, *neo feminism*, *eco feminism* dan Pasca Kolonial Feminisme yang berkembang dengan memberi fokus terhadap lokasi dan komuniti spesifik yang membuktikan bahawa feminisme bersifat *Eurocentric* mengalami zaman 'kejatuhan' (Mohanty, 2003:5).

Teori dan kritikan Feminisme Pasca Kolonial menggunakan medium kesusasteraan dan sejarah sebagai sumber penting sebagai medan perkembangan pemikiran teori Feminisme Pasca Kolonial di Asia, Afrika dan di negara-negara bekas tanah jajahan Barat. Hubungan antara kesusasteraan dan feminisme telah melahirkan satu bentuk teori atau metodologi feminisme yang berkembang mengikut zaman (Mohanty, 2003:2). Di era globalisasi dan kemunculan *Industrial Internet of Things* (IoT) ini memperlihatkan peranan pengarang, pengkritik dan pembaca wanita semakin penting dan tidak ketinggalan dalam konteks arus pembangunan perdana teori dan kritikan sastera. Analisis dan kritikan sastera menggunakan kaedah bacaan feminisme telah melahirkan pembaca yang menerima perspektif baru dalam pemahaman terhadap sesebuah karya kesusasteraan. Para Feminis Pasca Kolonial membuka ruang kajian yang lebih luas dan relevan dengan keperluan semasa kaum wanita dari seluruh pelosok dunia.

Chandra Talpade Mohanty terkenal dalam dunia kritikan feminisme selepas artikel beliau bertajuk '*Under The Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourse*' diterbitkan buat pertama kali pada tahun 1986. Artikel ini merupakan satu sumbangan terbesar Mohanty dalam dunia teori dan kritikan Feminisme Pasca Kolonial dan kajian transnasional sejak dua dekad yang lalu. Mohanty, mengkritik para feminis Barat dalam artikel ini dengan melontarkan kritikan tajam terhadap kegagalan feminis Barat untuk memahami dan memartabatkan kaum wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga. Mohanty membentangkan bagaimana para feminis Barat mengabaikan kepentingan pengalaman hidup kaum wanita dalam konteks lokasi geografi, budaya, agama dan cara hidup secara spesifik. Dalam artikel ini, beliau mendedahkan projeksi diri para feminis Barat yang mempunyai tendensi *heterogeneity* yang masih melihat wanita dari negara-negara bukan Barat sebagai *the others*, yakni 'wanita bukan kulit putih.'

Feminisme Pasca Kolonial membawa agenda, bahawa setiap manusia berhak memaksimumkan minat dan *Self-fulfilment* tanpa bias gender, ras, etnik, budaya, wilayah dan kuasa politik. Setiap individu bebas maju dan berkembang mengikut kemampuannya tanpa didominasi oleh pihak yang menganggap mereka *superior*. Golongan feminis di bawah pemikiran Feminisme Pasca Kolonial memberi tumpuan utama terhadap kehidupan kaum wanita di Negara-negara Dunia

Ketiga/bekas tanah jajahan yang masih berada dalam dominasi sistem patriarkal. Para feminis Pasca Kolonial memberi fokus terhadap adat dan hukum-hukum sosial setempat yang ditentukan untuk mewujudkan satu kehidupan yang harmoni. Secara khusus, para feminis Pasca Kolonial menyeru kaum wanita untuk mendapatkan peluang dalam bidang pekerjaan, pendidikan, gaji, kewangan dan undang-undang tanpa ada perasaan rendah diri. Golongan feminis Pasca Kolonial masih mengekalkan tuntutan kebebasan dan hak-hak wanita umum yang dituntut oleh feminis Barat seperti Mary Wollstonecraft (1792), Harriet Taylor Mill (1851) dan John Stuart Mill (1869), namun perlu dinaiktarafkan dan difahami dan konteks budaya dan masyarakat setempat mengikut situasi kontemporari dunia pasca moden. Menurut Mohanty (2003:193), golongan wanita di Negara-negara Dunia Ketiga telah dianiayai, disenyapkan dan dipinggirkan suara dalam hasil tulisan feminis Barat. Maka, feminis Pasca Kolonial mahukan satu teori mandiri yang membicarakan, memaparkan dan membangunkan suara kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga,...*the complexity of our historical (and positional) differences and the need for creating an analytical space for understanding Third World women as the "subject" of our various struggles "in history."* Komponen utama Feminisme Pasca Kolonial adalah membawa keluar suara-suara wanita di Negara-negara Dunia Ketiga dan sekali gus mengkritik feminis Barat yang menyalah tafsir tentang pengalaman kehidupan wanita di Negara-negara Dunia Ketiga.

Feminis Pasca Kolonial mengenal pasti dan mencabar peraturan, polisi dan undang-undang yang mengecualikan wanita dari beberapa jawatan, pekerjaan ataupun bersuara di khalayak ramai. Strategi pergerakan ini juga untuk melibatkan wanita berucap dalam forum, penyusunan semula undang-undang dan memegang jawatan dalam semua bidang pekerjaan. Wanita harus memiliki kebebasan dan hak untuk menikmati kebahagiaan, kegembiraan tanpa perasaan was-was dan ketakutan. Pergerakan Feminisme Pasca Kolonial mengambil inspirasi untuk menuntut hak dan kebebasan wanita dari pergerakan feminisme Barat. Namun demikian, para feminis Pasca Kolonial menitikberatkan konteks dan latar belakang pegangan hidup masyarakat yang dihuni oleh seseorang wanita secara spesifik tanpa menghakimi menggunakan kod feminisme universal. Feminisme dalam kerangka Pasca Kolonial bermula dari kehidupan seorang wanita dalam sebuah keluarga biasa sehingga melintasi isu-isu yang dilalui oleh wanita dalam sfera awam. Dalam mendepani pelbagai ketidakadilan dan perjuangan bagi memperbaiki kehidupan mereka, kaum wanita di seluruh dunia masih mempunyai perikatan persaudaraan seantero dunia dalam konteks *female bonding*, *sisterhood* dan juga *simbiosis*. Terdapat persamaan dalam isu-isu yang dilalui oleh 'ordinary woman' dengan wanita di seantero dunia namun penerimaan, pemahaman dan pengendalian isu-isu ini bergantung pada negara, budaya, agama, adat dan status sosial yang melingkari.

Hasil karya kesusasteraan yang dikelompokkan dalam kesusasteraan Feminisme Pasca Kolonial adalah hasil karya sastera yang mencungkil sejarah dan latar belakang seseorang watak sebelum dikategorikan sebagai karya Pasca Kolonial. Latar belakang sejarah, budaya kedudukan lelaki dan kedudukan wanita dalam sistem sosial setempat ini telah menjadi asas kepada pemahaman kedudukan dan situasi yang dilalui oleh kaum wanita dalam kedua buah novel kajian dalam konteks tempatan. Kedudukan wanita Malaysia dan Nigeria bukanlah satu kedudukan yang dibentuk dalam jangka masa singkat, tetapi merupakan aturan dan kepercayaan pemikiran masyarakat setempat sejak sekian lama. Maka, penekanan feminis Barat di Negara-negara Dunia Ketiga tentang konsep universal dalam penindasan dan perjuangan yang kaum wanita perlu dikaji dalam konteks *locality*. Khazanah peribumi seperti cerita mitos, lagenda, epik, sejarah, lagu tradisi, peribahasa dan bidalan diterokai bagi memperkayakan pengalaman hidup wanita dalam satu bentuk karya moden. Sebagai contoh, watak Sita Dewi dan Draupadi dari tradisi India selalu dikaitkan sebagai wanita suci, patuh, setia sanggup berkorban bagi kepentingan suami. Namun kini pembacaan dan pentafsiran semula watak-watak ini menunjukkan watak-watak wanita ini sememangnya berjuang menentang ketidakadilan dan bukannya watak yang kaku dan statik. Namun kebenaran dan perwatakan watak-watak ini

dikaburkan dalam bacaan *androcentric* dan disalahtafsirkan dalam bacaan feminis Barat bagi kepentingan ideologi masing-masing.

Di Malaysia dan Nigeria, disebabkan latar belakang sejarah setempat, pengalaman dan tahap pendidikan yang berbeza, maka pemikiran tentang hak dan kebebasan wanita berkembang secara berperingkat-peringkat dengan pelbagai ideologi dan agenda. Pemikiran feminisme dan tuntutan-tuntutan para feminis Barat tidak dapat diterima secara menyeluruh di Malaysia yang tergolong dalam benua Asia, manakala Nigeria salah sebuah negara dari benua Afrika. Hal ini demikian kerana kedudukan, kepentingan, tuntutan, penerimaan dan hak-hak wanita di Barat, Malaysia dan Nigeria tidak sama. Pemikiran kebebasan dan hak wanita di Barat bersifat *Eurocentric* dan mengangkat kedudukan wanita kulit putih ke tahap yang lebih *superior* berbanding wanita Afrika dan Asia. Pembaca wanita di Asia dan Afrika mencari emosi mereka sendiri, keadaan, kekecewaan dan kehendak bersama, yang telah diberi nama dan dibentuk dalam medium sastera (novel, puisi, cerpen). Hasil penulisan seorang pengarang wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga akan membawa pelbagai aspek kehidupan wanita yang telah dipadamkan, diabaikan, dipinggirkan, dihina, dikelirukan dan disenyapkan suara dalam karya ideal pengarang lelaki dan juga pengarang wanita Barat.

Kerangka konseptual yang dibawa oleh Chandra Talpade Mohanty dalam teori Feminisme Pasca Kolonial berasaskan *Criticism of Western Hegemony* (kritikan terhadap hegemoni Barat). Dalam kritikan ini Mohanty membetulkan, mengkritik dan menilai semula pandangan sarjana feminis Barat seperti Fran Hosken, Beverly Lindsay, Maria Cuterfelli, Juliette Minces, Patricia Jeffery dan Beverly Lindsay terhadap kaum wanita dari Negara-negara Pasca Kolonial. Menurut Mohanty, perjuangan para feminis Barat adalah untuk membebaskan kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga daripada terus dianiaya, dimanipulasi, didominasi dan diperlakukan tidak adil dalam sistem sosial, ekonomi dan Politik setempat. Pemahaman universal Feminis Barat tentang kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga adalah sebagai subjek yang sentiasa mengalami penindasan, didominasi, buta huruf, miskin, melahirkan anak yang ramai dan sentiasa mengalami kehidupan yang tertindas di bawah sistem patriarkal (Mohanty, 2003:47);

"Third World Women" in terms of the underdevelopment, oppressive traditions, high illiteracy, rural and urban poverty, religious fanaticism and "overpopulation" of particular Asian, African, Middle Easter and Latin American.

Definisi Feminis Barat tentang kaum wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga ini adalah bersifat monolitik dan berat sebelah. Kaum wanita dari bekas tanah jajahan Barat diasosiasikan dengan imej stereotaip yang tipikal seperti "the veiled woman," "the powerful mother," "the chaste virgin," dan "the obedient wife" (Mohanty, 2003:19). Walau bagaimanapun, Mohanty akui bahawa sememangnya imej seperti ini wujud dan masih kekal dalam kalangan wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga, tetapi pencitraan dan makna di sebalik setiap imej ini seharusnya diukur dan dinilai mengikut budaya dan negara wanita itu lahir dan bukannya mengikut kayu ukur pemikiran Barat semata-mata. Dalam usaha murni para feminis Barat terhadap kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga ini, masih terselit ideologi hegemoni *white supremacy* bahawa wanita kulit putih lebih tinggi kedudukan berbanding dengan kaum wanita di Negara-negara Dunia Ketiga.

Bagi menilai dan menganalisis semula kedudukan wanita di Negara-negara Dunia Ketiga dari perspektif setempat, Mohanty telah memperkenalkan tiga prinsip utama dalam kritikan terhadap hegemoni Barat, iaitu;

- *Women As A Category Of Analysis; Or, We Are All Sisters In Struggle* (Wanita Sebagai Kategori Analisis; Atau, Kita Bersaudara dalam Satu Perjuangan).
- *Methodological Universalism; Or Women's Oppression As A Global Phenomenon* (Metodologi Universal; Atau Penindasan Terhadap Wanita Sebagai Fenomena Global).

- *The Subject (S) Of Power* (Subjek Kekuasaan).

Kertas kerja ini hanya menggunakan prinsip pertama, iaitu Wanita Sebagai Kategori Analisis; Atau, Kita Bersaudara Dalam Satu Perjuangan. Prinsip pertama ini mempunyai enam kategori analisis, iaitu;

- I. *Women as Victim of Male Violence*
(Kaum Wanita Sebagai Mangsa Kepada Kaum Keganasan Lelaki)
- II. *Women as Universal Dependents*
(Kaum Wanita Sebagai Tanggungan Universal)
- III. *Married Women as Victims of The Local Colonial Process*
(Kaum Wanita yang telah Berkahwin Sebagai Mangsa Proses Kolonialisasi Setempat)
- IV. *Women and Familial System*
(Kaum Wanita dan Sistem Kekeluargaan)
- V. *Women and Religious Ideologies*
(Kaum Wanita dan Ideologi Keagamaan)
- VI. *Women and the Development Process*
(Kaum Wanita dan Proses Pembangunan)

Keenam-enam kategori ini adalah dasar pemikiran dan pemahaman feminis Barat terhadap kaum wanita di Negara-negara Pasca Kolonial. Mohanty telah menilai semula kategori-kategori ini berdasarkan pemahaman dan kedudukan wanita di satu lokasi, politik, budaya dan agama yang spesifik. Mohanty berpendapat bahawa, golongan wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga bukan lagi mangsa kepada kekuasaan kaum lelaki sepenuhnya seperti mana yang digembar-gemburkan oleh sarjana feminis Barat. Bagi mengukuhkan hujahan dan kritikan beliau terhadap pemikiran hegemoni sarjana Barat, Mohanty menyarankan para pengkaji dan pengkritik untuk mengkaji kehidupan kaum wanita di Negara-negara Pasca Kolonial melalui sumber sejarah dan sastera setempat (Mohanty, 2003:2). Para feminis Pasca Kolonial menyeru kepada para penulis wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga agar penulisan mereka terarah kepada pencarian semula dan penilaian semula terhadap watak wanita sebagai satu bentuk ekspresi pengalaman wanita yang tulen dan utuh.

WOMEN AS A CATEGORY OF ANALYSIS; OR, WE ARE ALL SISTERS IN STRUGGLE IN MENCARI AZIZAH AND THE STILLBORN

(Wanita Sebagai Kategori Analisis; Atau, Kita Bersaudara dalam Satu Perjuangan dalam Novel *Mencari Azizah* dan *The Stillborn*).

Persaudaraan wanita sejagat yang dilaungkan oleh para feminis Barat, Asia dan Afrika bukan disebabkan oleh faktor biologi yang sama, tetapi kaum wanita berkongsi faktor sosiologi dan antropologi yang bersifat universal. Watak wanita dalam novel *Mencari Azizah* dan *The Stillborn* berkongsi pengalaman hidup dalam pelbagai bentuk hanya disebabkan mereka dilahirkan sebagai 'wanita.' Walau bagaimanapun, pengalaman hidup mereka ini berbeza mengikut latar masyarakat, budaya dan agama yang dipersembahkan oleh Khadijah dan Alkali dalam bentuk karya sastera. Masyarakat yang dipaparkan dalam novel *Mencari Azizah* dan *The Stillborn* masih terikat dalam pelbagai elemen sistem patriarkal setempat dan sistem patriarkal yang wujud melalui kolonialisme, kapitalisme, politik, integrasi dan ekonomi dunia.

Sistem patriarkal memberi kuasa mutlak kepada kaum lelaki sebagai ketua keluarga dan membuat segala keputusan untuk ahli keluarganya. Amalan sistem patriarkal yang diamalkan di Malaysia dan Nigeria adalah asimilasi dari amalan, adat istiadat, agama, budaya dan peninggalan pemikiran patriarkal dari sistem kolonial. Perhubungan antara wanita dan lelaki berlangsung dalam sistem hierarki dan status berprestij di mana lelaki sentiasa berada di

tingkat teratas. Feminis dari Asia Selatan, iaitu Bhasin dan Khan (1988:9) mendefinisikan sistem patriarkal sebagai;

... the rule of the father or the patriarch. It refers to a social system where the father controls all members of the family, all property and others economic resources, and makes all major decisions....ideology that man is superior to woman, that women are and should be controlled by men, and are part of man's property.

Patriarkal difahami sebagai pemerintahan kebapaan. Sistem sosial yang membentuk bapa memerintah seluruh ahli keluarga dari segi ekonomi dan membuat keputusan muktamad. Ideologi sistem kebapaan ini menganggap bahawa lelaki itu lebih tinggi tarafnya daripada wanita, wanita itu mesti dikuasai oleh lelaki dan wanita adalah sebahagian harta milik lelaki. Sistem kuasa dan pemerintahan ini digelar sebagai patriarkal. Patriarkal juga disebut sebagai satu sistem penguasaan lelaki yang menekan wanita dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.

Manakala, tafsiran tentang konsep patriarkal dalam kalangan feminis Barat seperti Kate Millet, Maggie Humm dan Shiela Rowbotham mendefinisikan patriarkal sebagai *male domination and power relationship and the power relationship by which men dominate women* (Humm, 1989:159). Shulamith Firestone (Humm, 1989:159:) pula mentakrifkan patriarkal sebagai kawalan kaum lelaki terhadap sistem reproduksi wanita. Pandangan sarjana Barat ini dapat difahami bahawa sistem patriarkal merupakan segala adat, nilai, kepercayaan dan peraturan dalam pelbagai aspek kehidupan yang dirangka oleh lelaki dan semua itu dilihat sebagai melebihkan lelaki dan menindas wanita.

Penindasan terhadap wanita ini bukan sahaja dalam bentuk fizikal dan mental, tetapi juga sistem patriarkal menuntut wanita menjadi lelaki atau seperti lelaki. Desakan-desakan hidup seperti peluang pekerjaan, faktor ekonomi dan kedudukan wanita dalam sesebuah sistem organisasi menyebabkan mereka bertindak dan berfikir seperti lelaki. Keinginan lahiriah mereka sebagai wanita tidak dapat disuarakan disebabkan sistem sosial, politik dan ekonomi masih di bawah autoriti golongan lelaki. Wanita di kebanyakan negara masih akur dengan budaya patriarkal yang mendominasi mereka walaupun mereka mempunyai taraf pendidikan dan ekonomi yang sama dengan lelaki, *...women and women's labour have been traditionally and systematically downgraded, suppressed, ignored or patronised. The usual name for this is patriarchy* (Rylance & Keynes, 1987:229).

Pemahaman tentang patriarkal berbeza antara fahaman Barat, Malaysia dan Nigeria. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini meneliti sistem patriarkal mengikut budaya Malaysia dan Nigeria. Sistem patriarkal yang diketuai oleh lelaki adalah struktur sosial masyarakat di kedua buah negara ini tetapi dalam struktur ini terdapat pelbagai amalan dan kepercayaan yang diamalkan dan ditaati oleh masyarakat tempatan. Dalam perbezaan yang pelbagai inilah masih wujud persamaan dalam kehidupan wanita antara dua negara ini. Watak-watak wanita yang dipotretkan dalam kedua buah novel ini berlatarbelakangkan tahun 80-an dan 90-an di mana kehidupan wanita pada ketika itu sangat berbeza dengan keadaan semasa yang mendepani Revolusi Perindustrian Keempat. Namun tanpa pengorbanan, tuntutan dan perjuangan kaum wanita di dekad-dekad ini, amat sukar bagi kaum wanita kini mengecapi kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Wanita-wanita di dekad yang lalu telah menjadikan kegagalan sebagai pemangkin kejayaan bagi membolehkan generasi wanita terkemudian hidup tanpa bias gender dalam penerimaan pendidikan, politik, sosial dan ekonomi. Mohanty (2003) dalam membentangkan pemikiran feminisme Pasca Kolonial menggariskan penafian pendidikan kepada kaum wanita sebagai asas ketidaksetaraan gender. Manakala pengarang Zaynab Alkali dan Khadijah Hashim membawa gagasan universal bahawa pendidikan akan memberi kesedaran tentang identiti dan jati diri wanita yang harus dimiliki oleh setiap wanita bagi membendung ketidakadilan yang berlaku kepada mereka. Bagi memperlihatkan gagasan ini, Alkali mencipta watak Li yang berdegil untuk menentukan kehidupan sendiri dalam sistem

patriarkal Hausa dengan cara meneruskan pelajaran di peringkat tinggi. Manakala watak Azizah melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana selepas diceraikan oleh suaminya Zamri. Kedua-dua watak wanita ini berfikir maju, berdikari dan menolak mitos bahawa wanita adalah inferior berbanding lelaki. Dalam kedua buah novel ini, pengarang secara jelas menggambarkan bahawa pendidikan bagi seorang anak perempuan tidak akan sia-sia, malah pendidikan ini menjadi satu alat mempertahankan diri untuk merobohkan *bias sexism* dan peranan mengikut gender. Melalui pendidikan inilah Li dan Azizah melawan kemiskinan, kejahilan dan keganasan rumah tangga.

Alkali dan Khadijah telah merobohkan imej-imej stereotaip yang kekal dalam kalangan wanita Hausa dan Melayu melalui hasil karya mereka. Keganasan terhadap psikologi, mental dan emosi memberi impak yang lebih kuat dalam kehidupan wanita di bawah sistem patriarkal. Watak Li dan Azizah telah dimanipulasikan, didominasi dan dikhianati untuk kepentingan kaum lelaki. Kekuasaan lelaki sebagai ketua keluarga dan pembuat segala keputusan bukan sahaja mengongkong kebebasan Azizah dan Li tetapi turut menindas psikologi dan emosi mereka. Salah satu keganasan terhadap psikologi yang dialami oleh Li dan Azizah adalah lemparan kata-kata sindiran dan merendahkan kedudukan mereka yang menyebabkan mereka kehilangan keyakinan terhadap diri sendiri. Li dan Azizah adalah gambaran pengarang yang mencernakan manifestasi jiwa wanita yang cuba membebaskan diri dari sistem sosial, ekonomi dan politik yang berada di bawah dominan kaum lelaki. Kedua-dua pengarang ini membawa kesedaran betapa pentingnya bagi seorang wanita untuk mencintai diri sendiri, dan tidak dibiarkan fizikal dan mental mereka menjadi objek yang boleh ditindas oleh kaum lelaki.

Watak Azizah dalam novel *Mencari Azizah* merupakan seorang wanita yang berasal dari Taman Negara, Pahang. Dia membesar dalam suasana kampung dan jati diri sebagai seorang wanita Melayu tulen. Walaupun ayah kandungnya seorang warga Amerika tetapi jiwanya sehati dengan norma-norma hidup masyarakat Melayu. Azizah telah dilamun cinta dengan Zamri yang kaya ketika masih belajar di universiti dan meninggalkan cita-citanya untuk melanjutkan pelajar semata-mata untuk menjadi isteri dan suri rumah tangga sepenuh masa (Khadijah Hashim, 1998: 12);

Aku sepatutnya meneruskan pelajaranku setelah berumah tangga kalau pun tidak dibenarkan bekerja. Kalau itu yang terjadi tentu saja di kala ini aku sudah bergelar Dr. Azizah. Dan corak hidupku tentu saja berbeza. Dr. Azizah yang bekerja dan bergaji. Bukan menunggu belas ihsan suami. Dr. Azizah yang berhak menentukan arah hidupnya sendiri, bukan jadi perhiasan kerana muka yang cantik!

Namun segalanya berubah setelah dia berkahwin dan seterusnya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Rutin hariannya hanyalah mengemas rumah, memasak, menjaga anak-anak dan menyediakan keperluan suaminya. Dia tidak dibenarkan bekerja mahupun melanjutkan pelajaran oleh ibu mertuanya Datin Mariah. Pengarang, meluahkan isi hati watak Azizah tentang kemahuan suaminya, 'Zamri cuma mahu aku jadi pengurus rumah tangga yang sekali-sekali menemaninya ke majlis-majlis makan malam' (1998: 12). Sebagai isteri Azizah tidak ada hak untuk membuat sebarang keputusan, bersuara membantah pandangan suami, memberi cadangan untuk kebaikan bersama, segala aspek kecantikan, kesihatan dan penampilan diri harus mengikut cita rasa suami dan dia telah diberi peranan stereotaip untuk membentuk peribadi seperti yang dimahukan oleh kaum lelaki. Azizah mengalami krisis identiti sama ada mengikut kehendak dirinya atau meneruskan hidup terkongkong di bawah telunjuk suami dan ibu mertuanya. Datin Mariah dan Zamri tidak menerima sebarang lontaran idea mahupun nasihat dari Azizah dalam usaha memulihkan syarikat Kencana Holdings yang mengalami kerugian. Walaupun Azizah dan Zamri mengikuti bidang pengajian jurusan ekonomi di peringkat ijazah di universiti yang sama, namun setelah menjadi isteri Zamri, kebolehan Azizah telah direndahtarafkan oleh Zamri sendiri kerana menganggap tugas wanita hanyalah di dalam rumah dan bukannya dalam syarikat.

Krisis dalam diri Azizah kemuncak bila mana peranan sebagai isteri Zamri tergugat. Zamri berkahwin lagi tanpa memberitahu Azizah. Bagi Zamri, Azizah tidak layak untuk diberitahu disebabkan Azizah hanya suri rumah tangga dan ibu kepada anak-anaknya. Situasi rumah tangga yang semakin retak ini menjadikan Azizah keliru dengan peranan dirinya sama ada dirinya adalah isteri kepada Zamri atau hanya sebagai pembantu rumah. Bagi Azizah sebagai seorang isteri, dia berhak untuk memberi pandangan dan memulihkan hubungan kekeluargaan yang semakin keruh. Dia mahu suaminya berbincang bersama dalam menghormati peranannya sebagai isteri, ibu dan menantu. Tindakan Zamri berkahwin lain dalam sistem poligami yang diamalkan oleh Zamri sekurang-kurangnya dibawa ke pengetahuan Azizah selaku isteri pertama sekaligus meletakkan Azizah di tempat yang sebetulnya sebagai seorang isteri (Khadijah Hashim, 1998: 38);

Entahlah, hatiku hancur lebur tidak dapat dipujuk apabila mendengar Zamri kahwin lagi. Berita ini diketahui daripada mulut orang lain, bukan dari Zamri sendiri, itu yang Azizah jauh hati sangat-sangat. Apa salahnya kalau minta izin? Minta izin? Isteri mana pula yang baik hati sangat membenarkan suami kahwin lagi?

Walaupun dalam Islam, undang-undang syariah hanya mewartakan syarat bagi seseorang suami yang ingin berpoligami hanya memerlukan kebenaran bertulis daripada Hakim Syariah bagi membolehkan tindakan poligami tersebut dijalankan. Namun tidak menyalahi hukum Islam jika Zamri memberitahu perkara sebenar kepada Azizah sebelum dia berkahwin dengan Anita untuk menyelamatkan syarikatnya dari muflis. Peninggalan Zamri dari rumah besar tanpa memberitahu Azizah memberi peluang kepada Azizah untuk introspektif kehidupan alam rumah tangganya bersama Zamri.

Tajuk novel *Mencari Azizah*, menunjukkan bahawa watak itu mencari identiti dirinya sebagai Azizah dan bukan sebagai isteri, ibu atau menantu keluarga kaya. Dia mencari kesukaan, kehendak, impian, visi dan misi dirinya sebagai Azizah. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan novel (Khadijah Hashim 2001:3), "kini, aku adalah Azizah baru. Azizah dengan harapan dan visi baru." Khadijah Hashim membebaskan Azizah dari tekanan dalam alam perkahwinan dengan diceraikan oleh Zamri. Walaupun sedih dan terkilan dengan alam perkahwinan yang tidak kekal lama, namun pengarang beriltizam untuk sentiasa meninggikan peranan dan martabat watak wanita dalam novel ini dengan membawa watak Azizah ke Iowa, Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana. Tindakan pengarang memberi kebebasan dan hak kepada Azizah untuk mencorakkan kehidupannya bersendirian di rantau Eropah sekali gus menunjukkan paparan wanita Melayu yang mampu berdikari tanpa sebarang bantuan dari golongan lelaki. Hal ini sangat bertentangan dengan pandangan feminis Barat yang melihat wanita Asia sebagai lemah, menjadi mangsa keganasan lelaki dan bergantung hidup sepenuhnya dengan kaum lelaki. Peluang introspektif diri yang diberikan oleh pengarang kepada watak Azizah ini yang dituntut oleh para feminis Pasca Kolonial, yakni memberi ruang dan peluang kepada watak Azizah menentukan hidup sendiri dengan melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat tanpa perlu terikat dengan sistem perkahwinan yang menindas diri dan anak-anaknya.

Manakala Zaynab Alkali dalam novel *The Stillborn*, membawa watak wanita yang berada dalam tahun 1980-an yang merupakan tahun yang memperlihatkan pembentukan semula negara Nigeria di bawah pemerintahan demokrasi yang turut memberi impak dalam kehidupan wanita. Dalam prinsip pertama Wanita Sebagai Kategori Analisis, Mohanty mengkritik pandangan feminis Barat iaitu Irene Tinker dan Michelle Bo Bramsen (2003, 30) bahawa wanita di Negara-negara Dunia Ketiga menjadi mangsa dalam proses pembangunan negara. Namun dalam novel *The Stillborn*, Zaynab Alkali mencerminkan watak Li mengambil peluang proses pembangunan yang berlaku ini ke arah untuk memperbaiki dan meningkatkan status hidupnya. Proses pembangunan dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam negara Nigeria ini membawa impak yang besar dalam kehidupan wanita di bandar, mahupun di kampung. Di kawasan kampung telah ada pembinaan kilang, jalan raya yang baru dan sistem pendidikan mula

berubah. Proses modenisasi turut memberi kesan dalam sistem pendidikan kerana pengendalian sistem persekolahan baru jatuh di bawah kerajaan pusat. Manakala di bandar pula mula berlaku proses modenisasi yang pesat disebabkan penghijrahan masyarakat kampung ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih selesa. Alkali membawa watak wanita yang berdepan dengan perubahan ini dengan lebih produktif dan bertanggungjawab. Alkali membawa perspektif wanita, suara wanita, kritikan wanita dan pandangan wanita terhadap proses transisi yang dialami di Nigeria untuk membentuk rakyat yang produktif dan berakhlak mulia.

Watak Li diperkenalkan oleh Alkali sebagai seorang gadis sunti berusia 13 tahun. Dalam usia yang muda ini, Li telah mempunyai cita-cita untuk keluarga dari kongkongan hidup di bawah kawalan ayahnya yang ketat. Dia ingin bebas sebagai wanita dan mahu melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi untuk menjadi seorang cikgu. Namun pendidikan bagi seorang anak perempuan dinafikan oleh ayahnya dan dikatakan sebagai satu pembaziran. Dalam kehidupan yang tegang antara ayah dan dirinya, Li bertemu seorang jejaka bernama Habu Adam yang sedang mengikut pengajian perubatan. Dia melihat Habu sebagai seorang lelaki yang berpotensi untuk merealisasikan impiannya untuk melanjutkan pelajaran di 'city' dan hidup bahagia sebagai seorang isteri dan wanita berkerjaya. Keputusan Li untuk berkahwin dengan Habu ditentang oleh ayahnya namun Li tetap dengan keputusan sendiri untuk berkahwin dengan Habu. Pengalaman hidup sebagai isteri tidak seperti yang dimimpikan oleh Li. Li telah mengalami keganasan rumah tangga dan dia mendapati suami yang dicintainya di kampung halaman merupakan lelaki yang bengis dan menzalimi wanita di 'city'. Li bangun dari kehidupan yang melarat dan tertindas di 'City' dengan menjadi seorang yang kuat keazaman, optimis dan berkeyakinan terhadap diri sendiri. Langkah awal yang diambil oleh Li adalah meninggalkan Habu dan melanjutkan pelajarannya bagi membebaskan dirinya dari segala seksaan dan penderitaan hidup yang dilakukan oleh ayah dan suaminya. Dia ingin membentuk identiti diri dan ingin memulakan hidup baru untuk mencapai cita-citanya yang ditinggalkan setelah menjadi isteri.

Menurut Alkali, watak Li tidak pernah dibentuk untuk menjadi seorang feminis ataupun sebagai seorang wanita perkasa untuk menuntut keadilan terhadap ketidakadilan yang dilakukan oleh kaum lelaki terhadapnya. Menurut Alkali (dicatat dari Ismail: 2006), *Li is not a feminist, and that as far as I am concerned, I wasn't creating a feminist character*. Li seorang wanita yang berkeyakinan, bersuara lantang, berani dan sentiasa memperbaharui pengetahuan dunia,...*she can achieve great things without using her husband as a crutch* (Koreye, 1989:50). Apabila perkahwinan yang dibina bersama Habu gagal, Li telah mengalih kegagalan ini dengan kemajuan dalam pendidikan. Alkali menggunakan teknik naratif dengan unsur mimpi bagi membantu watak Li memulihkan kembali keharmonian rumah tangga. Dia bermimpi bahawa cucunya menyoal tentang datuknya dan mengapa ibunya Shuwa hidup tanpa ayah. Alkali dengan ini menunjukkan bahawa kasih sayang seorang ayah diperlukan untuk mengimbangi kasih sayang kepada anak-anaknya. Alkali memasukkan unsur mimpi untuk memperkukuhkan keputusan Li untuk kembali menerima suaminya.

Keengganan Li untuk kembali kepada Habu di peringkat awal bukan disebabkan dia benci dengan institusi perkahwinan, tetapi Li ingin memenuhi impian untuk berjaya tanpa bergantung hidup dengan Habu. Walaupun telah berjaya dan mampu hidup berdikari Li mencari semula kehormatan dan kekuatan seorang wanita Hausa adalah dengan hidup berkeluarga dan menghormati konvensi budaya dan adat yang diperturunkan dari generasi ke generasi oleh kaum ibu. Pendidikan membentuk Li sebagai wanita yang matang dan bijaksana dan pada masa yang sama menghormati dan mentaati budaya dan tradisi. Tindakan Li untuk kembali kepada Habu menjadi satu keputusan yang anti-feminis. Watak Li telah merobohkan konsep para feminis Barat bahawa wanita yang ditindas dan mengalami penganiayaan di bawah kuasa patriarkal harus hidup berdikari untuk menunjukkan kekuasaan wanita yang mampu berjaya tanpa sokongan kaum lelaki. Kemarahan Li hanya kepada Habu secara peribadi dan

bukannya terhadap norma-norma budaya, keluarga, perkahwinan dan adat masyarakat Hausa. Habu lelaki yang dicintainya, maka kembali bersama Habu bukanlah sesuatu yang menyeksa Li. Selain itu, Li kini berumur 29 tahun yang menjadi matang dan tahu menilai baik buruk sesuatu melalui pengalaman hidup yang dialami dan cinta terhadap Habu menyebabkan dia memilih untuk, ... *I will just hand him the crutches and side by side we will learn to walk* (Alkali, 1989:105). Keputusan Li ini merupakan satu keputusan yang merayakan budaya dan cara hidup masyarakat Hausa yang meletakkan kehidupan suami isteri sebagai satu cara hidup harmoni melengkapinya antara satu sama lain.

Analisis terhadap watak Li dan Azizah menunjukkan bahawa wanita Nigeria dan Malaysia masih berada dalam sistem patriarkal yang mendominasi mereka disebabkan wanita sendiri masih menjadi penerus kepada sistem ini. Sebagai contoh, ibu mertua Azizah merupakan penerus warisan sistem patriarkal ini dengan membenarkan segala ketidakadilan yang berlaku kepada Azizah tanpa membetulkan kesalahan anak lelakinya. Pendidikan tinggi juga kadangkala tidak menghalang wanita-wanita ini untuk memilih menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Azizah terikat dengan kehendak suami dan tidak mencapai kebebasan dan hak sepenuhnya dalam bersuara, memperoleh identiti keindividualan dan bersuara untuk memberi pendapat. Manakala, Li terpaksa mengikut Habu Adam ke 'City' dan terkurung dalam ruang lingkup 'rumah' yang dimiliki oleh Habu. Namun melalui pendidikan, kedua-dua watak wanita ini dapat membebaskan diri dari sesetengah amalan sistem patriarkal yang menindas fizikal dan emosi wanita. Peluang pendidikan dapat membentuk wanita menjadi berani, mempunyai pendapatan ekonomi, berdikari, bebas bersuara dan mula menyoal ketidakadilan yang dilakukan oleh kaum lelaki dalam ruang rumah tangga mahupun dalam sistem sosial, ekonomi dan politik. Pendidikan wanita bukan untuk dirinya sahaja, malah untuk keluarga, masyarakat dan juga negara.

Alkali dan Khadijah telah meletakkan aspek pendidikan sebagai pembina keyakinan diri kaum wanita. Period tahun 80-an dan 90-an yang mementingkan pendidikan bagi kaum wanita telah digarap baik oleh kedua-dua pengarang ini. Mereka dengan rasa tanggungjawab membawa agenda kepentingan pendidikan kepada kaum wanita hampir di setiap bahagian hasil karya mereka. Sebagai contoh dalam novel *The Stillborn* (Alkali, 1997: 20), ...*An Educated woman is a great investment to her children, her husband and her parents, but most of all to her country.* Dalam sebuah negara yang mendepani proses modenisasi dan pengaruh budaya Barat, Alkali membawa kesedaran bahawa tanpa pendidikan wanita tidak dapat melawan arus perdana perubahan dalam negara. Pendidikan menjadi pelindung kepada wanita daripada terus didominasi, dimanipulasikan dan dieksploitasi dalam sistem patriarkal. Watak Li dan Azizah telah dibentuk oleh Alkali dan Khadijah Hassim sebagai seorang yang berwawasan, berfikiran matang dan mempunyai pendirian hidup yang jelas. Begitu juga ketika ditinggalkan suami, Li dan Azizah tetap berusaha hidup berdikari dan membentuk kehidupan yang gembira dalam kawalan emosi dan perasaan. Li dan Azizah tidak membenarkan kesedihan dan kedukaan yang dialami mengambil tempat penting dalam hidupnya, mereka masih gembira bersama anak-anak yang dikasihi dan peluang pendidikan yang diterima untuk mengimbangi air mata dan kegembiraan.

Watak Li dan Azizah dicipta oleh Alkali dan Khadijah sebagai wanita yang bercita-cita, berwawasan dan tidak mudah rapuh dengan gangguan emosi. Kedudukan diri yang ditinggalkan suami dengan anak tidak mematahkan semangat Li dan Azizah untuk terus belajar dan menempatkan diri dalam kalangan pekerja profesional. Kedua pengarang wanita ini membina keyakinan dalam watak wanita yang dibentuk untuk menjadi representasi kepada wanita bahawa kegagalan rumah tangga tidak semestinya akan menggagalkan kehidupan seorang wanita. Emosi yang selalu melanda watak wanita yang ditinggalkan suami seperti sedih, sunyi, kemurungan dan kecewa tidak disogokkan dalam kedua-dua watak ini. Sifat-sifat Li dan Azizah sebagai seorang yang matang, suka bertanya, berdikari, berani, tegas dan tabah ini dilengkapi oleh Alkali dan Khadijah dengan memberi ruang pendidikan tinggi kepada watak-

watak ini. Li dan Azizah bukan hanya dibentuk dengan sifat-sifat yang memperkasakan identiti dirinya, tetapi juga dengan pendidikan formal bagi mendepani hidup ini dengan yakin dan rasional. Kelulusan pendidikan membantu Li untuk mencapai kekuatan ekonomi dengan menjadi seorang guru dan mula memikul tanggungjawab keluarga yang telah dilepaskan oleh ayah dan abangnya Sule. Manakala, pengajian tinggi yang diperoleh oleh Azizah telah membina keyakinan diri sebagai ibu tunggal dan pada masa yang sama Azizah telah dapat bertemu dengan ayah kandungnya di Amerika Syarikat. Alkali dalam novel *The Stillborn* membina peribadi Li yang telah menandingi kuasa lelaki di rumahnya. Ketua keluarga merupakan tugas dan tanggungjawab kaum lelaki, namun dalam novel ini, selepas kematian ayahnya Li diminta untuk menjadi ketua keluarga. Awa (kakak Li) menyatakan bahawa kini Li menjadi *the man of the house* (Alkali, 1988:101) dan Li mempunyai kuasa untuk membuat dan mengambil keputusan dalam segala hal di rumah mereka.

Alkali dan Khadijah menyuarakan wawasan mereka terhadap pembangunan kaum wanita hanya dapat dicapai jika wanita diberi peluang yang sama dengan lelaki dalam bidang pendidikan. Kedua-dua pengarang ini memberi penegasan bahawa seorang wanita dapat mendepani perubahan-perubahan yang berlaku di sekelilingnya jika wanita diberi peluang melanjutkan pendidikan. Peluang pendidikan bagi wanita akan mengubah pandangan golongan lelaki terhadap wanita. Wanita mula memberi pengertian semula terhadap diri mereka, mereka mula memberi kuasa terhadap diri sendiri dan kepentingan wanita telah diketengahkan. Kedua pengarang ini membebaskan wanita dari sistem tirani lelaki bahawa kehidupan wanita akan sentiasa berlangsung di bawah kekuasaan lelaki.

Dalam sistem patriarkal, kaum wanita terperangkap dalam satu pemikiran bahawa mereka bergantung hidup dengan lelaki. Alkali memberi keyakinan dan kekuatan dalam diri Li melalui pendidikan aliran Inggeris. Pendidikan Barat ini memberi jaminan pekerjaan dan juga membuka minda tentang hak Li. Ketika berumur 29 tahun, dia telah pun menamatkan pengajian di kolej perguruan dan menjadi seorang guru yang mampu hidup berdikari. Kematangan dalam usia Li turut dijadikan kayu ukur oleh pengarang untuk membuat keputusan bijak. Perlindungan yang diharapkan dari ayah, suami dan anak lelaki telah dirobuhkan oleh Alkali dengan memberi keyakinan kepada watak-watak wanita terutamanya Li melalui pendidikan. Manakala watak Azizah telah berjaya melanjutkan pengajian Sarjana di Universiti Iowa di Amerika. Dari seorang suri rumah tangga sepenuh masa dengan bergantung hidup dengan pendapatan suami, Azizah muncul sebagai seorang wanita sofistikated yang anggun dan membawa diri di negara asing seorang diri demi untuk menggenggam segulung ijazah sarjana. Kehidupan Azizah sebagai isteri dan menantu yang pasif, setia dan taat telah mengongkong kebebasan dan hak bersuara Azizah. Penceraian antara Azizah dan Zamri walaupun susah untuk diterima, namun Azizah bangun membentuk dirinya. Kepulangan Azizah dari Amerika bersama Ijazah Sarjana dan ayah kandungnya menyaksikan Azizah berjaya membuktikan tahap kebijaksanaan bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam bidang perhotelan yang dimulakan oleh ayah kandungannya di Malaysia. Keputusan Azizah dan Li untuk menjadikan pendidikan sebagai senjata pertahanan mengharungi masa depan merupakan segala titik tolak sesuatu perubahan.

Analisis Prinsip Wanita Sebagai Kategori Analisis terhadap watak-watak wanita ini menunjukkan bahawa Zaynab Alkali dan Khadijah Hashim masih tidak sepenuhnya merobuhkan gegala penerapan imej wanita ideal dalam sistem patriarkal, namun mereka telah memperkasakan watak-watak ini dengan pendidikan, kerjaya, potensi dan harga diri sebagai bekalan mendepani dunia tanda direndahtarafkan oleh sistem politik, sosial dan ekonomi yang masih bernaung di bawah kuasa lelaki sebagai manusia yang superior. Setiap pemikiran, falsafah, agenda dan propaganda harus melalui proses penyaringan sebelum diterima oleh masyarakat dari budaya yang berlainan. Pengarang pilihan untuk kertas kerja ini iaitu Khadijah Hashim dan Zaynab Alkali tidak secara radikal menentang dan menuntut hak mereka sepertimana di Barat. Sehingga kini, wanita Malaysia dan Nigeria masih menghormati dan

menurut tuntutan budaya, agama, adat dan sistem sosial. Mereka tidak melihat lelaki sebagai musuh tetapi meminta hak dan maruah mereka tidak diabaikan. Perubahan dalam kalangan wanita Malaysia dan Nigeria tidak mendadak, mereka masih mengalami transformasi yang berperingkat mengikut latar belakang keluarga, budaya, agama, kaum, bahasa dan juga tempat kelahiran.

Zaynab Alkali dan Khadijah Hassim memiliki kefahaman mendalam tentang pengalaman hidup yang dilalui oleh kaum wanita di Malaysia dan Nigeria. Mereka menampilkan watak-watak wanita yang menghormati budaya, adat dan agama setempat dan pada masa yang sama memiliki jati diri, keperkasaan, emansipasi dan semangat untuk memajukan diri selari dengan arus pemodenan dunia. Kajian menunjukkan watak-watak wanita dalam novel-novel ini bangkit dan memperoleh keyakinan diri melalui pendidikan. Dalam usaha mencari identiti diri dan membentuk keperkasaan dalam sistem patriarkal, watak wanita ini terpaksa bertoleransi kerana begitu kukuh dan utuh sistem patriarkal yang masih tidak dapat diperhalusi kuasa autoriti kaum lelaki. Namun watak wanita yang dipersembahkan oleh Zaynab Alkali dan Khadijah Hashim telah mula merobohkan tembok pemisah dunia luar dengan rumah tangga. Perubahan ini juga disokong dengan senario politik di Nigeria dan Malaysia yang tidak mendiskriminasikan peluang pendidikan asas mahupun pengajian tinggi antara lelaki dan wanita. Tidak kira sejauh mana dunia tanpa sempadan telah ditawarkan tetapi setiap strata masyarakat dunia memiliki konteks budaya dan fahaman masyarakat setempat yang kadang-kadang bertentangan dengan budaya masyarakat di luarnya. Kajian ini telah membawa kesedaran terhadap pentingnya pendidikan kepada kaum wanita.

KESIMPULAN

Kesusasteraan merupakan cerminan kehidupan sesebuah masyarakat yang dilakarkan melalui pengalaman manusia untuk memberi refleksi sebenar realiti dalam kalangan masyarakat. Perbincangan latar belakang budaya dan kedudukan lelaki dan wanita dalam satu lokasi, budaya, adat dan agama di Malaysia dan Nigeria membantu dalam proses analisis novel-novel kajian. Watak-watak wanita dalam novel *Mencari Azizah* dan *The Stillborn* mempunyai pemikiran yang matang dan bangun bersuara menuntut hak dan kebebasan daripada penjajah mahupun sistem patriarkal yang dibentuk oleh kaum lelaki. Pengarang-pengarang wanita Pasca Kolonial ini mempersembahkan kegigihan watak-watak wanita memperbaiki kedudukan mereka dari ditindas, didominasi, ditinggalkan, dipulaukan serta mengiktiraf sumbangan dan kudrat yang telah disumbangkan oleh wanita. Selain itu, watak-watak wanita dalam hasil nukilan pengarang wanita dari Negara-negara Dunia Ketiga diberi peluang untuk menjadi wanita berilmu, berjaya, perkasa, mempunyai kesedaran tentang identiti diri dan dimartabatkan dicitrakan sebagai watak penting dalam kumpulan kesusasteraan Feminisme Pasca Kolonial. Kebangkitan watak Azizah dan Li dalam karya sastera ini menunjukkan keterampilan Khadijah dan Alkali berjuang memperbaiki, memperbetulkan dan mendefinisikan semula konteks dan pemahaman identiti wanita mengikut kayu ukur setempat dan bukannya mengikut andaian sarjana Barat.

Analisis novel *Mencari Azizah* dan *The Stillborn* berdasarkan kritikan hegemoni Barat telah memperlihatkan bagaimana Khadijah Hashim dan Zaynab Alkali membentuk dan membangunkan wawasan kaum wanita di Negara-negara pasca Kolonial. Para pengarang dan para feminis Pasca Kolonial membawa hujah-hujah dan pemikiran ke arah membanteras penindasan terhadap wanita, membuka ruang untuk wanita bersuara, mencari pengalaman, keperluan dan kehendak mereka, mencabar halangan dan hambatan yang dikenakan terhadap mereka melalui peranan gender dalam sistem sosial dan juga mencabar dominasi lelaki dan keistimewaan lelaki. Para sarjana Pasca Kolonial menghormati pengalaman, kebolehan, kemampuan, kesungguhan dan menghargai sumbangan wanita dalam perkembangan dan kemajuan masyarakat khusus dari Negara-negara Dunia Ketiga (Mohanty, 2003:43).

Dunia kontemporari yang bersedia menerima Revolusi Industri 4.0 yang membawa teknologi automasi dan penemuan pelbagai teknologi baharu bakal merancakkan kemajuan dunia pendidikan moden. Kini pembangunan dalam tamadun manusia, kemajuan teknologi dan pembentukan sahsiah manusia telah memberi peluang pendidikan yang sama antara kaum lelaki dan wanita tanpa bias gender. Dekad 80-an dan 90-an telah berlalu, wanita tidak lagi memegang senduk dan kualiti untuk meneruskan peranan stereotaip yang disogokkan kepada mereka. Bagi menghadapi cabaran Revolusi IR wanita perlu menguasai teknologi digital supaya mereka tidak lagi ketinggalan malahan mampu bersaing secara sihat. Peluang pendidikan dalam bidang STEM (kemahiran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) tidak boleh dielakkan sebagai bidang yang didominasi oleh lelaki. Para pelajar perempuan juga perlu sama-sama menuntut ilmu sebaik mungkin untuk membangun seiring dengan kaum lelaki, jika tidak senduk dan kualiti akan kekal di tangan wanita untuk diserahkan kepada generasi wanita seterusnya.

RUJUKAN

- Alkali, Zaynab. (1988). *The Stillborn*. London: Longman.
- Alkali, Zaynab. (1997). *Cobwebs and Other Stories*. Lagos: Malthouse.
- Bhasin, Kamla & Khan, Nighat Said. (1986). *Some Questions on Feminism and its Relevance in South Asia*. New Delhi: Kali for Women.
- Eagleton, Mary. (1996). *Working with Feminist Criticism*. Oxford: Blackwell.
- Humm, Maggie. (1989). *The Dictionary of Feminist Theory*. London: Harvester.
- Ismail Bala Garba. (2006). "Of Real Freedom and Gender Equality": A Re-Appraisal of Zaynab Alkali's *The Stillborn*. dalam *JENDA*. <http://jendajournal.com/issue8/garba.html>.
- Jenainati, Cathia & Groves, Judy. (2010). *Introducing Feminism: A Graphic Guide*. London: Icon Books.
- Khadijah Hashim. (2001). *Mencari Azizah*. Dewan bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohanty, Chandra Talpade. (2003). *Feminism without Borders: Decolonizing Theory, Practicing Solidarity*. London: Duke University Press.
- Mohanty, Chandra Talpade. Russo, Ann & Torres, Lourdes (ed.). (1991). *Third World Women and the Politics of Feminism*. Bloomington: Indiana University.
- Mohanty, Chandra Talpade. (1991). 'Under Western Eyes: feminist Scholarship and Colonial Discourse', dalam Mohanty, Chandra Talpade., Russo, Ann & Torres, Lourdes (ed.), 1991. *Third World Women and the Politics of Feminism*. Bloomington: Indiana University.
- Rylance, Rick & Keynes, Milton. (1987). *Debating Text: A Reader in Twentieth Century Literary Theory and Method*. New York: Open University Press.
- Selden, Raman. (1989). *Panduan Membaca Teori Kesusasteraan Sezaman*. (terj.). Umar Junus, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weedon, Chris. (1987). *Feminist Practice and Poststructuralist Theory*. New York. Basil Blackwell.